



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

NOVEMBER 2022

NOVEMBER 2022



INDEKS HARGA PENGGUNA

NOVEMBER 2022

Bulan-ke-Bulan

November 2022 /
Oktober 2022


▼ -0.1%

Tahun-ke-Tahun

November 2022 /
November 2021

▲ 3.1%

Bulan-ke-Bulan



Tahun-ke-Tahun



Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan

▲ 5.8%

Daging



▲ 12.2%

Beras dan Bijirin



▲ 5.6%

Minyak dan Lemak



▲ 21.6%

Bukan Makanan

▲ 2.4%

Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan



▲ 13.5%

Restoran dan Hotel



▲ 4.5%

Pengangkutan



▲ 1.8%

Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada waktu yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.



Website: deps.mofe.gov.bn
 Email: info.statistics@jpes.gov.bn
 Instagram: @statistics.jpes



جباتن قرانچن ايكونومي دان ستاتيستيك
 DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
 MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
 BRUNEI DARUSSALAM

CONSUMER PRICE INDEX

NOVEMBER 2022

Month-on-Month

November 2022 /
October 2022


▼ -0.1%

Year-on-Year

November 2022 /
November 2021

▲ 3.1%

Month-on-Month



Year-on-Year



Main Contributors Year-on-Year

Food

▲ 5.8%

Meat



▲ 12.2%

Rice and Cereals



▲ 5.6%

Oil and Fats



▲ 21.6%

Non-Food

▲ 2.4%

Miscellaneous Goods and Services



▲ 13.5%

Restaurants and Hotels



▲ 4.5%

Transport



▲ 1.8%

Notes

- CPI measures the average change of prices of a fixed basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-Month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-Year means to compare prices with the same month in the previous year.



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA
NOVEMBER 2022
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAJUK UTAMA:

**INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENURUN SEBANYAK 0.1 PERATUS BAGI BULAN
NOVEMBER 2022 BERBANDING OKTOBER 2022**

1. Bagi bulan November 2022, Indeks Harga Pengguna (IHP) menurun sebanyak 0.1 peratus berbanding dengan bulan Oktober 2022. Ini adalah disebabkan oleh penurunan Indeks Bukan Makanan sebanyak 0.3 peratus berikutan penurunan harga tiket penerbangan. Walau bagaimanapun, Indeks Makanan dan Minuman Ringan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus yang disebabkan oleh kenaikan harga bawang merah. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh kekurangan bekalan daripada negara-negara pengeluar berikutan cuaca yang tidak menentu.
2. Berbanding dengan bulan November 2021, IHP meningkat sebanyak 3.1 peratus. Peningkatan tahun-ke-tahun ini adalah selaras dengan peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan, dan harga Bukan Makanan masing-masing sebanyak 5.8 peratus dan 2.4 peratus.
3. Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga makanan seperti Minyak dan Lemak 21.6 peratus; Daging 12.2 peratus; dan Beras dan Bijirin 5.6 peratus. Peningkatan harga Minyak dan Lemak adalah selaras dengan kenaikan harga minyak masak daripada negara-negara pembekal serta kos pengangkutan dan logistik. Peningkatan harga Daging, terutamanya daging ayam adalah disebabkan oleh peningkatan kos makanan ternakan ayam. Manakala, Peningkatan harga Beras dan Bijirin adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga bahan-bahan mentah bagi kek, pastri dan biskut.
4. Peningkatan harga komponen Bukan Makanan adalah didorong oleh Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 13.5 peratus; Restoran dan Hotel 4.5 peratus; dan Pengangkutan 1.8 peratus.
5. Kenaikan harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh harga insurans kenderaan yang dipengaruhi oleh harga pasaran kereta. Di samping itu, peningkatan bagi Restoran dan Hotel adalah selaras dengan kenaikan kos perkhidmatan catering berkontrak. Manakala, peningkatan bagi harga Pengangkutan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga kenderaan bermotor.
6. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan November 2022 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

CONSUMER PRICE INDEX
NOVEMBER 2022
BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

**CONSUMER PRICE INDEX (CPI) DECREASED BY 0.1 PER CENT FOR NOVEMBER 2022
COMPARED TO OCTOBER 2022**

- In November 2022, the Consumer Price Index (CPI) decreased by 0.1 per cent as compared to October 2022. This was mainly driven by the decrease in Non-Food Index by 0.3 per cent due to the decrease in air fares. However, Food and Non-Alcoholic Beverages Index showed an increase of 0.4 per cent was primarily caused by an increase in onion prices. This is primarily due to a shortage of available stock from producing countries, which coincided with unpredictable weather.*
- As compared to November 2021, the CPI had increased by 3.1 per cent. The rise in year-on-year changes was parallel with the increase in prices of Food and Non-Alcoholic Beverages, and Non-Food prices by 5.8 per cent and 2.4 per cent respectively.*
- The increase in Food and Non-Alcoholic Beverages was due to the rise in food prices such as Oil and Fats 21.6 per cent; Meat 12.2 per cent; and Rice and Cereals 5.6 per cent. The rise in the price of Oil and Fats was in line with the increase in cooking oil prices from producing countries as well as transportation and logistics costs. The rise in Meat prices, especially for chicken meat, was due to the high cost of chicken feed. Furthermore, the increase in Rice and Cereals was mainly due to the price hike of input materials for cakes, pastries and biscuits.*
- The increase in the price of Non-Food component was driven by Miscellaneous Goods and Services 13.5 per cent; Restaurants and Hotels 4.5 per cent; and Transport 1.8 per cent.*
- Miscellaneous Goods and Services prices rose mainly due to the increase in the price of vehicle insurance influenced by the market prices of cars. Moreover, Restaurants and Hotels price increase was in line with the rise in cost of contract catering services. Meanwhile, the increase in the prices of Transport was mainly due to the rise in motor vehicle prices.*
- The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for November 2022 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*